

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pendidikan Seni Visual 2611/2 Seni Halus mengandungi 6 soalan. Kertas soalan ini diberi kepada calon seminggu lebih awal sebelum tarikh peperiksaan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja dalam tempoh 3 jam.

Skop soalan 1 dan soalan 3 berasaskan figura dan lanskap, manakala skop soalan 2 berasaskan objek alam benda dengan lukisan perspektif satu titik lenyap. Soalan 4 pula membolehkan calon memilih sama ada melukis lanskap dengan figura atau lanskap tanpa figura. Bagi soalan 5 dan soalan 6 berbentuk gubahan imaginasi dan fantasi.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara menyeluruh prestasi calon berada pada tahap sederhana tinggi kerana calon kurang mahir membuat gubahan. Calon kurang pengetahuan dalam mengaplikasi kepelbagaian teknik mewarna bagi menghasilkan bentuk menggunakan ton warna dan kesan jalinan. Oleh sebab itu calon dapat menguasai kemahiran menggambar pada tahap yang tertentu sahaja.

Calon yang memiliki tahap kemahiran mengaplikasi kepelbagaian teknik mewarna yang tinggi berjaya menghasilkan gubahan dengan baik. Jawapan calon tersebut menepati kehendak soalan, hasil kerja bermutu dan kemas kerja matang. Calon berjaya melukis bentuk figura dengan menunjukkan kematangan dari aspek kadar banding, ekspresi wajah, aksi figura, 'mood' dan suasana gubahan.

Kelompok calon yang memperoleh markah yang sederhana pula, lemah dalam beberapa aspek menggambar seperti kurang berjaya menunjukkan perspektif, lemah pengetahuan tentang ruang dan lemah menghasilkan gubahan. Gubahan yang dihasilkan hanya menjawab sebahagian soalan, umpamanya hanya memberikan tumpuan kepada aspek tertentu dan mengabaikan aspek yang lain. Terdapat calon-calon yang berjaya membuat gubahan dengan baik tetapi lemah dalam teknik mewarna, terutama dalam menampakkan ton warna. Kemahiran melukis bentuk figura gagal dikuasai oleh calon terutama dari aspek kadar banding, ekspresi wajah, aksi figura, 'mood' dan suasana gubahan.

Bagi calon yang memperoleh markah pada tahap rendah, hasil kerja mereka menunjukkan tahap kemahiran yang rendah, kerana kurang berkemampuan dalam menguasai asas melukis. Hal ini dapat dilihat melalui hasil kerja calon yang dilaksanakan secara sambil lewa. Penghasilan gubahan mereka tidak menjurus kepada kehendak soalan. Kemahiran asas seperti unsur-unsur seni dan prinsip rekaan tidak diaplikasikan sepenuhnya oleh mereka. Calon dapat melukis, tetapi tidak dapat menguasai kemahiran mewarna dengan baik untuk menunjukkan bentuk dan suasana yang dikehendaki.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon dapat menjawab mengikut kehendak soalan. Mereka menguasai kemahiran melukis dan menyusun bentuk dalam gubahan yang menarik. Calon mengaplikasi unsur seni seperti bentuk, ruang dan imbangan dengan tepat serta pemilihan sudut pandangan yang menarik. Calon berjaya menggunakan teknik mewarna yang betul untuk menghasilkan kesan suasana dan 'mood'. Kemahiran penggunaan sapuan berus dapat dikesan melalui kepelbagaian teknik mewarna seperti basah atas basah, basah atas kering atau gabungan pelbagai media. Tema dan mesej yang dikemukakan oleh calon menepati kehendak soalan. Mereka berjaya menggunakan prinsip rekaan dengan berkesan. Calon berjaya mewujudkan komunikasi berkesan melalui kesan tampak dalam gubahan dengan olahan idea yang bernas.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon yang dikelompokkan dalam kumpulan ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu kumpulan sederhana tinggi dan sederhana rendah. Bagi kumpulan sederhana tinggi, calon dapat memahami kehendak soalan dan menguasai kemahiran membuat gubahan, tetapi mereka lemah mengadun dan mengolah warna. Calon kurang berjaya menghasilkan bentuk serta kurang memahami unsur cahaya dan ton warna. Walau bagaimanapun kebanyakan calon dapat melukis bentuk dengan baik serta berjaya memilih sudut pandangan yang pelbagai.

Bagi kumpulan sederhana rendah, calon masih dapat memahami kehendak soalan tetapi kurang kemahiran membuat gubahan dan lemah dalam menguasai teknik mewarna bagi mewujudkan kesan suasana dan mood. Selain itu, calon juga gagal memilih sudut pandangan yang menarik dan tidak dapat melukis bentuk dengan tepat. Calon mementingkan melukis lanskap berbanding memberi tumpuan kepada subjek utama seperti orang sedang membaiki paip, susunan sayur-sayuran atau barangan di atas rak.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan ini menampilkan ciri-ciri kelemahan yang ketara terutama dalam membuat gubahan. Calon tidak dapat menterjemahkan kehendak soalan dalam bentuk visual. Calon tidak memiliki kemahiran menghasilkan gambar yang bersesuaian dengan tahap umur mereka kerana menampilkan gubahan yang tidak matang. Selain itu, calon tidak dapat membuat gubahan yang mengaplikasikan asas senireka dengan berkesan, serta gagal menguasai kemahiran mewarna. Calon tidak cuba mengambil peluang menggunakan media kering yang lebih mudah dikuasai penggunaannya seperti pensil, arang, krayon, pastel atau dakwat. Dengan menggunakan media ini calon dapat menunjukkan jenis-jenis garisan dan kesan jalinan untuk mewujudkan bentuk.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

Sebatang paip besar telah pecah di tepi sebatang jalan raya. Kelihatan dua orang pekerja sedang membaiki kerosakan tersebut. Air membuak-buak dari kesan pecahan paip tersebut dan membasahi kedua-dua pekerja tadi.

Lukiskan keadaan ini dengan memberi penekanan kepada pancutan air yang membuak-buak dan aksi pekerja tersebut.

Calon yang berada pada tahap cemerlang berjaya menggambarkan suasana dan peristiwa yang berlaku seperti situasi sebenar. Calon dapat menghasilkan gubahan dan reka letak objek melalui olahan idea dan teknik mewarna yang baik dengan menampakkan kesan air membuak-buak yang membasahi kedua-dua pekerja. Calon berjaya menunjukkan subjek dalam ruang dengan figura yang menepati kadar banding dan aksi yang realistik dari jarak dekat. Sapuan berus dapat menghasilkan jalinan dan berjaya menimbulkan suasana serta 'mood'. Calon dapat menunjukkan ruang depan, ruang tengah dan ruang belakang dengan berkesan melalui ton yang tepat. Calon dapat menyampaikan mesej visual dengan berkesan kerana calon faham kehendak soalan.



- ◆ Gubahan menunjukkan ruang depan, tengah dan belakang.
- ◆ Olahan dan teknik mewarna yang baik dengan aplikasi media yang berkesan.
- ◆ Gubahan dapat menimbulkan komunikasi melalui kesan tampak.
- ◆ Kadar banding figura yang tepat dan realistik

Calon kumpulan sederhana boleh menghasilkan gubahan kerana mereka memahami soalan, tetapi bentuk figura kelihatan kaku dan tidak mengikut kadar banding. Teknik mewarna kurang menampakkan sifat objek yang diwarnakan meskipun cuba menggunakan ton dan kesan jalinan warna.

- ♣ Teknik mewarna dan olahan warna sederhana dalam menggambarkan gubahan serta mood. Kepelbagaian ton tidak dieksploitasi dengan menyeluruh.
- ♣ Bentuk figura lemah kerana kadar banding tidak tepat tetapi masih dapat menunjukkan aksi
- ♣ Kemasan hasil kerja sederhana dan kurang menampakkan jalinan yang berkesan



Calon dalam kumpulan lemah gagal membuat gubahan serta melukis figura dengan baik. Calon melukis dari jarak jauh dan mementingkan lanskap untuk mengelak daripada melukis figura dari jarak dekat. Keadaan ini menjadikan kesan visual tidak jelas menggambarkan tema dan idea yang ingin disampaikan. Calon gagal menggunakan media dan teknik mewarna untuk menunjukkan kesan air yang membuak-buak keluar.



- ♥ Gagal melukis figura dengan baik.
- ♥ Olahan warna dan teknik mewarna gagal dikuasai terutama untuk menunjukkan ton, 'mood' dan suasana.
- ♥ Tidak menunjukkan keberkesanan dalam mewujudkan komunikasi melalui kesan tampak dan mesej serta olahan idea.

Soalan 2

Beberapa barangan tin pelbagai saiz, botol minuman dan bungkusan makanan ringan tersusun di atas rak dalam sebuah kedai runcit.

Lukiskan susunan ini dari jarak dekat dengan menggunakan perspektif satu titik lenyap. Penekanan hendaklah diberikan kepada susunan objek, bentuk dan jalinan.

Calon yang berada pada tahap cemerlang berjaya menghasilkan susunan objek, bentuk dan jalinan berasaskan perspektif satu titik lenyap dengan baik dari jarak dekat. Objek dan bentuk berjaya digubah melalui lukisan dan pewamaan yang mantap.

- ❖ Objek dilukis dengan jelas dari jarak dekat menggunakan perspektif satu titik lenyap.
- ❖ Objek dan bentuk berjaya digubah melalui lukisan dan pewamaan yang mantap.

Bagi calon kumpulan sederhana pula, calon dapat membuat interpretasi yang baik terhadap soalan tetapi lemah dalam menampakkan susunan objek, bentuk dan jalinan berasaskan perspektif satu titik lenyap dari jarak dekat. Mereka lemah menggunakan unsur seni dan prinsip rekaan. Penggunaan warna tidak menghasilkan bentuk kerana ton dan jalinan tidak diaplikasikan.

- ❖ Lemah melukis bentuk objek di atas rak dari jarak dekat.
- ❖ Penggunaan warna tidak menampakkan kesan ton untuk menimbulkan bentuk.

Calon dalam kumpulan lemah gagal melukis susunan objek dan bentuk serta membuat jalinan. Perspektif satu titik lenyap langsung tidak diaplikasikan dan calon tidak mampu menggambarkan susunan barang-barang di atas rak sebagaimana yang dikehendak oleh soalan. Asas seni reka kurang dikuasai oleh calon dalam membuat gubahan. Tentang aspek pewamaan, calon gagal menunjukkan kesan ruang, bentuk dan suasana daripada olahan warna.

- Perspektif satu titik lenyap tidak diaplikasi untuk menghasilkan gubahan.
- Asas seni reka tidak dikuasai untuk menghasilkan gubahan.

Soalan 3

Pelbagai sayur seperti pucuk ubi, mentimun, jantung pisang, petai, kacang panjang dan labu manis terletak di atas sehelai kain. Seorang wanita pertengahan umur yang duduk bersimpuh sedang membetulkan susunan jualannya.

Lukiskan gambaran ini dengan memberi penekanan kepada bentuk dan jalinan sayur-sayuran serta aksi wanita tersebut.

Calon dalam kumpulan cemerlang dapat menghasilkan gubahan yang menarik dengan memasukkan objek-objek yang disenaraikan dalam soalan. Selain itu, untuk menjadikan hasil gubahan mereka lebih menarik, calon juga memasukkan elemen-elemen lain yang dapat menimbulkan suasana dan 'mood' gubahan. Calon juga dapat melukis figura dengan kadar banding yang betul dan menampakkan aksi seperti yang dikehendaki. Ekspresi wajah seorang wanita pertengahan umur duduk bersimpuh dapat ditunjukkan dengan jelas. Sayur-sayuran dilukis dengan tepat dan diwarnakan menggunakan teknik yang baik, manakala jalinan yang digunakan dapat menentukan jenis sayur-sayuran. Calon juga peka dalam menentukan pilihan sudut pandangan yang menarik dan beraneka lokasi. Penggunaan unsur seni dan prinsip rekaan yang berkualiti diterapkan dalam gubahan.



- ♣ Gubahan yang menarik walaupun menggunakan olahan warna sewama.
- ♣ Ekspresi wajah wanita pertengahan umur duduk bersimpuh berjaya ditonjolkan.
- ♣ Gubahan dari jarak dekat dapat menampakkan komposisi objek dengan jelas, tepat dan menarik dengan mengaplikasikan asas seni reka.

Calon dalam kumpulan sederhana boleh menghasilkan gubahan dengan baik tetapi tidak memberi tumpuan kepada objek-objek yang sepatutnya dimasukkan ke dalam gubahan dari jarak dekat. Selain itu calon gagal melukis figura dengan aksi seperti dikehendaki oleh soalan.



- ♦ Dapat membuat gubahan dengan baik tetapi tidak memberi penumpuan kepada objek-objek dari jarak dekat.
- ♦ Kelemahan melukis figura dengan tepat selain penggunaan warna dengan betul.
- ♦ Komposisi gubahan yang berselerak dan tidak berfokus serta pewarnaan yang tidak menarik.

Calon dalam kumpulan lemah gagal menjawab soalan dengan tepat dan gagal melukis gubahan yang menarik. Kebanyakan calon tidak memasukkan figura di dalam gubahan sebagaimana dikehendaki oleh soalan. Secara tidak langsung hal ini telah menghilangkan suasana dan 'mood' gubahan itu sendiri. Calon hanya menggunakan olahan warna mentah dan tidak dapat menghasilkan bentuk melalui ton warna.

- ❖ Hanya melukis sayur-sayuran sahaja tanpa memasukkan figura dan ini menghilangkan suasana dan 'mood' gubahan yang dikehendaki.
- ❖ Menggunakan warna mentah dan tidak menggunakan ton warna untuk menimbulkan objek



Soalan 4

Anda sedang menaiki bot dan menghampiri sebuah jeti di perkampungan nelayan ketika air sedang pasang.

Lukiskan pemandangan jeti tersebut yang berlatarbelakangkan suasana perkampungan nelayan dengan memberi penekanan kepada pewujudan ruang hadapan, tengah dan belakang.

Calon dalam kumpulan cemerlang berjaya menggunakan unsur seni iaitu rupa, bentuk, garisan, ruang, jalinan dan warna dengan baik. Calon memahami kehendak soalan dan berjaya menghasilkan gubahan yang menarik dan jelas. Suasana kampung nelayan digubah dengan baik melalui pemilihan warna yang dapat menimbulkan 'mood' kampung nelayan yang aman damai.



- Penggunaan unsur seni yang jelas dan sudut pandangan yang menarik.
- Suasana dan 'mood' jeti perkampungan nelayan berjaya ditimbulkan.
- Pewujudan ruang depan, tengah dan belakang dapat ditonjolkan.

Calon dalam kumpulan sederhana dapat menghasilkan gubahan yang baik tetapi melukis menggunakan sudut pandangan yang luas. Lukisan lanskap seharusnya mementingkan perspektif dan garisan aras mata. Perkara ini diabaikan oleh calon menyebabkan sudut pandangan menjadi tidak menarik.



- Lukisan pandangan luas tidak memberi penekanan gubahan kepada jati perkampungan nelayan secara berfokus. Garisan aras mata terlalu tinggi.
- Calon tidak menggambarkan suasana perkampungan nelayan secara realistik.

Calon dalam kumpulan lemah tidak dapat membuat pecahan ruang yang seimbang dan tidak dapat mengaplikasikan perspektif dalam karya. Kelemahan yang ketara adalah menggambar menggunakan sudut pandangan jarak jauh yang tidak berfokus. Bentuk jeti, rumah dan bot tidak dihasilkan menggunakan bentuk yang tepat. Perkampungan nelayan tidak dijadikan tema utama. Gubahan diwarna menggunakan olahan warna yang tidak matang. Media dan teknik mewarna gagal diaplikasikan dengan baik bagi menimbulkan bentuk dalam gubahan.



- ⊕ Sapuan berus yang tidak kemas gagal menampakkan subjek yang ingin digambarkan dengan tepat.
- ⊕ Gubahan lemah dalam menampakkan kesan tampak dengan mesej yang ingin disampaikan.
- ⊕ Tidak menampakkan pembahagian ruang depan, tengah dan belakang dengan berkesan.

Soalan 5

Anda telah tersesat di sebuah hutan cendawan raksasa. Hutan tersebut dipenuhi dengan pelbagai jenis cendawan. Batang cendawan raksasa ini pula berdiri dari pangkal hingga ke atas. Kebanyakan cendawan ini tumbuhnya di tepi sungai yang airnya bewarna ungu kebiru-biruan.

Lukiskan pemandangan ini secara dekat mengikut imaginasi anda dengan menitikberatkan jalinan dan bentuk serta warna.

Calon dalam kumpulan cemerlang berjaya menghasilkan gubahan berdasarkan imaginasi yang kreatif. Calon dapat melukis pelbagai bentuk cendawan, dalam suasana yang dapat menyampaikan mesej serta tema. Gubahan yang dihasilkan menggunakan pecahan ruang yang seimbang dan pemilihan sudut pandangan yang menarik. Pewarnaan yang mantap membantu menimbulkan 'mood' dan suasana hutan cendawan yang berdiri. Sungai bewarna ungu kebiru-biruan berjaya dicetuskan dengan ton warna yang berkesan.

- ✦ Gubahan menggunakan pecahan ruang yang seimbang, rupa dan bentuk yang tepat.
- ✦ Olahan dan teknik mewarna dapat menimbulkan suasana dan 'mood' yang menampakkan kesan ruang.
- ✦ Olahan idea dapat memberikan kesan komunikasi melalui kesan tampak dengan jelas.
- ✦ Mengaplikasi media dan teknik mewarna dengan baik dan berkesan.



Calon dalam kumpulan sederhana berjaya menghasilkan gubahan seperti yang dikehendaki oleh soalan. Namun begitu rupa dan bentuk tidak diolah dan digambarkan dengan tepat. Kesan jalinan tidak ditunjukkan dengan jelas. Calon tidak dapat menguasai kemahiran memilih dan mengaplikasikan media secara berkesan. Ton warna kurang berkesan untuk menghasilkan bentuk dan kurang berkesan mewujudkan gubahan yang dapat menyampaikan mesej.



- ★ Warna yang digunakan kurang matang dan kurang menampakkan 'mood' ganjil.
- ★ Gubahan tidak diolah dan digambarkan dengan tepat.
- ★ Penggunaan media dan teknik mewarna yang kurang berkesan menjadikan gubahan tidak menarik.

Calon dalam kumpulan lemah memahami kehendak soalan tetapi tidak berupaya menterjemahkan kesan seni tampak untuk menunjukkan interpretasi dengan jelas. Pecahan ruang tidak dapat digambarkan dengan baik. Penekanan kepada bentuk cendawan raksasa berduri tidak dititiberatkan. Teknik pewarnaan mereka lemah, ton warna tidak ditunjukkan untuk menimbulkan bentuk dan jalinan serta membezakan ruang depan, tengah dan belakang.

- Penggunaan media dan teknik mewarna kurang berkesan untuk menghasilkan gubahan.
- Unsur jalinan tidak digunakan dengan jelas untuk menghidupkan lagi suasana dan 'mood'.
- Pecahan ruang yang tidak seimbang menunjukkan kurang kefahaman dalam mengolah gubahan.
- Tidak memahami ciri bahan dan kesan jalinan yang dihasilkan menyebabkan gubahan tidak realistik.



Soalan 6

Beberapa bentuk huruf dan kacang tanah sedang bermain sepak raga bulatan. Mereka bermain di sebuah kawasan yang unik dan asing.

Lukiskan suasana tersebut dengan memberi penekanan kepada bentuk, jalinan huruf dan kacang tanah serta aksi objek-objek tersebut.

Calon dalam kumpulan cemerlang dapat menghasilkan gubahan yang menunjukkan situasi unik dan asing. Bentuk huruf yang dipilih sesuai diolah menjadi watak bagi manusia beraksi, dalam gubahan yang kreatif.

Penggunaan ruang yang berkesan serta objek diatur dalam suasana yang realistik. Pembahagian ruang depan, tengah dan belakang berjaya dieksploitasi dengan baik selain pemilihan sudut pandangan yang menarik. Sebahagian besar calon berjaya menimbulkan suasana dan 'mood' melalui watak-watak yang diolah dengan unik. Gubahan diwarnakan menggunakan media dan teknik mewarna yang sesuai. Penggunaan ton warna dapat menimbulkan jalinan dan menjelaskan bentuk yang dihasilkan.



- * Gubahan unik dan asing berjaya dijelmakan.
- * Bentuk huruf dan kacang beraksi dalam situasi permainan sepak raga diolah dan digubah menimbulkan kesan tampak dan mesej yang jelas.
- * Pembahagian ruang dijelaskan menggunakan pemilihan warna.

Calon dalam kumpulan sederhana kurang mahir dalam membuat olahan dan gubahan. Aksi dan watak dalam situasi permainan sepak raga tidak menimbulkan kesan tampak dan mesej yang jelas. Pecahan ruang tidak digambarkan dengan berkesan kerana kebanyakan calon tidak membuat pemilihan sudut pandangan yang menarik. Gubahan tidak menggambarkan kawasan unik dan asing. Pemilihan media dan teknik mewarna kurang berkesan untuk menimbulkan mesej.



- * Teknik mewarna tidak mantap, hanya memberi tumpuan kepada beberapa objek sahaja.
- * Pemilihan media dan teknik mewarna kurang berkesan untuk menimbulkan mesej.
- * Situasi di kawasan yang unik dan asing tidak digambarkan dengan berkesan.

Calon dalam kumpulan lemah, gagal melukis bentuk kacang dan huruf. Calon juga gagal mentafsirkan soalan untuk menyampaikan idea dan mesej. Kebanyakan gubahan yang digambarkan tidak berfokus sehingga tidak menimbulkan suasana sebenar peristiwa bermain sepak raga bulatan dalam kawasan unik dan asing. Calon tidak mahir memilih kombinasi warna untuk mewujudkan keharmonian gubahan. Ton dan jalinan tidak diaplikasi dengan baik.



- * Gagal mengolah bentuk huruf dan kacang yang berwatak menggunakan ton warna.
- * Lokasi yang unik dan asing tidak dapat diterjemahkan secara visual melalui komposisi, gubahan dan warna.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon hendaklah memperbanyak latihan melukis dan mewarna objek-objek dari jarak dekat.
2. Calon perlu membuat latihan melukis figura dengan pelbagai aksi dan watak.
3. Calon hendaklah mempraktikkan penggunaan unsur-unsur seni seperti garisan, jalinan, warna, ruang dan bentuk ketika berkarya.
4. Calon dicadangkan supaya mempraktikkan penggunaan prinsip rekaan seperti kontra, kepelbagaian, harmoni, imbalan, penegasan, kesatuan dan pergerakan.
5. Calon perlu memahami fungsi ton warna, jalinan dan kesan cahaya dalam kerja menggambar.
6. Calon hendaklah memahami fungsi ruang dan struktur rekaan dalam kerja menggambar.
7. Calon dicadangkan supaya mempelbagaikan dan mempertingkatkan kemahiran penggunaan bahan, media dan alat.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah memperbanyak latihan untuk pelajar berkaitan ton dan jalinan untuk menghasilkan bentuk.
2. Guru perlu memastikan calon faham konsep ruang dan perspektif.
3. Guru patut mendedahkan kepada calon menggunakan teknik-teknik alternatif dalam penghasilan gubahan contohnya media arang, pensel, pensel warna, pen, dakwat, pastel dan krayon.
4. Guru hendaklah melatih calon melukis bentuk figura dengan berkesan.
5. Guru hendaklah memastikan calon mempunyai sekurang-kurangnya satu kemahiran teknik mewarna, contohnya basah atas kering atau media campuran.